

Surat Terbuka:

KEPADA SAUDARA “LANGKASUKA” DAN KAWAN-KAWAN YANG DIRAKUKANNYA

Al-Salām ‘alaykum wa rahmatullāh wa barakātuh.

Saudara yang dicintai dengan selamatnya:

Aku bersyukur dan berbangga kerana berkesempatan menatapi suratmu yang penuh bermadah yang mengharukan itu. Perasaan megah meliputi jiwaku, melihat kau sebagai pemuda pemudi yang berperasaan, berjiwa dinamis dan progresif. Tetapi....aku sungguh-sungguh bingung dan kecewa, memikirkan kau sebagai pemuda belajar, yang diasuh oleh ayah dengan sedemikian susahnyanya, tiba-tiba kau menuduh dia penjual agama dan.. untuk nafsu, padahal kau hanya meneropongi dia dari Langkasuka yang sudah pasti dilindungi dan diliputi oleh kabus dan kabut, kerana itu sayang! Apa yang kau gambarkan adalah jauh dari kenyataan. Maka untuk ini pulalah yang menggerakkan hati bermadah buat menghilangkan keraguan kawan-kawan, tetapi! Janganlah kau jemu, bosan dan ragu-ragi serta marah-marah kalau suratku ini hanya menyambut-nyambut kisah lama, yang rasanya tidak perlu diulangi.

Saudaraku!

Kau tentu masih terbayang dan terkenang zaman kau masih kanak-kanak, ketika kau dan saudaramu berhadapan muka dengan ayah atau teman-temannya di rumah kita “di kaki gunung” menceritakan falsafah dan pengajaran Islam, masih teringatkah kau muka ayah yang muram dan duka ketika mengenangkan kejatuhan umat dan pahit getirnya perjuangan hidup ini. Seketika berseri-seri tersenyum mengingatkan bahawa hidup adalah perjuangan. Teringatkah berkumpul suaranya berdengung-dengung... parwa....memanggil berkumpul untuk mengutip mutiara hikmah yang dihambur leh para tamu....oh....sungguh gemilang zaman itu, penuh dengan pengharapan. Tetapi!...

takdir illahi telah berlaku. Ayah...dipisahkan dari anak-anak yang sedang....dahaga....manja. Bertebaranlah anak-anak seperti ayam kehilangan ibu, hilang tempat berlindung mengadu.

Tetapisyukurlah kerana masih ada teman-teman ayah yang masih berdamping meneruskan usaha, memberi nasihat ketika kecewa, menghibur ketika duka. Tetapi masa itupun tidak lama, dia edar pergi, ibarat jatuh ditimpa tangga. Kerana tempay menggantung harapan, tempat menumpah rasa hati turut pula meninggal....pergi aduhai! Rumah kami, yang tadinya tempat tumpuan, kini sunyi, sepi gelap gelita. Umpama tanah perkurun. Ada di antara saudara-saudaramu yang ingin mengikuti jejak langkah buat tinggal bersama, tetapi...rumahnya hanya untuk daerahmu, tinggal mereka dengan cita-cita yang kandas. Pengharapan yang kecewa untuk mendapat falsafah Islam dan pengajaran Muhammad, untuk pedoman hidup yang sengit ini. Kami meranan, menderita, meraung dan menangis, tetapi....suara kamu telah perawa, tangisan dan seruan kami tak disambut oleh jiran tetangga. Manakah perginya wahai?...alim ulama, za‘im za‘imā’ yang mendokong *title “warithatul anbiyā”* yang bertahun bertahun, berkorban di pusat kebudayaan Islam (al-Azhar) dan di Masjidil Haram...bertahun-tahun dipanas udara Sahara yang ak kenal ampun itu. Manakah perginya semangat jihad yang ditiup dan disemai oleh Rasul, wahai! Tak ada hatikah tuan melihat kami menderita.....sedangkan kami tak minta dimandi dengan kemewahan benda.....

Saudaraku! Alangkah sedihnya hati, lemahnya perasaan

ketika melihat bahtera (*khazib al-muslimīn*) pusaka peninggalan ayah, buat menuju pulau bahagia “*balwatan tayyibatu warabbu gahfūr*” hampir karam, wahai manakah yang akan ditumpas? Sedangkan ke sana adalah menajdi idaman hati yang tarada-taradanya. Apakah lautan hebat ini akan.....?Wahai! Manakah alim ulama, kiyai.....yang bertahun mempelajari falsafah perjuangan Rasul, yang mengaku hidup mati untuk agama....yang mahu mengharungi lautan... untuk mengemudi yang kandas ini? Manakah angkatan muda umat ini? Oh, saudara, tidak! Tidak! Patah hilang, tumbuh tak berganti.

Di ketika yang gelap itu, ayah kembali menemuidengan wajah tersenyum sebagai mukmin dia bersyukur kepada Allah, tetapi! Alangkah pilunya hati, remuknya perasaan kerana apa yang dibangun, disemi, selama ini dengan keringat dan air mata pengorbanan, kini tinggal tak berbala, tak bersiram, berlinang-linang air matanya membasahi mukanya yang pucat melihat anak-anaknya yang terbiar. Tetapi sebagai-Mukmin-dia tak kena kalimah putus asa dan kecewa, segala peristiwa adalah menjadi mukmin dalam perjuangan selanjutnya dia berusaha melihat rumahnya..bangsal, anak-anaknya lembu, bodoh tak sanggup hidup. Dia menginsafi gerangan apakah kandas bahteranya, pupus taman bunganya, Lantaran itu dia berjuang dengan penuh daya, menyediakan bakal pejuang, untuk meneruskan cita-cita semula menuju cinta hati ingatan jiwa, pulau harapan....yang bahagia. Dia tak mau anak-anaknya kandas sebagaimana dia, kandas tak berteman, tak bersahabat untuk mengganti, wahai! Apakah ini kau katakan dia gila pangkat dan penjual agama? Apakah ini pengecut, bacul?

Saudaraku!

Aku sungguh-sungguh bingung dan tidak mengerti maksud perkataanmu: Buat apakah sekolah “di kaki gunung” itu?

sedangkan kau pernah berkata, pemuda tak harus diasuh dengan semangat berapi-api sahaja, tetapi harus diisi di dadanya dengan pengetahuan! Di manakah saudara sumbernya pengetahuan? Apakah kau sudah berputus asa melihat umat ini?.... Jangan saudara? Berjuanglah dengan.....dan jangan dahulu perasaan, jihad tidak hanya....terbatas?

Saudaraku!

Aku pun merasai apa yang kau katakan itu. Rasa bimbang meliputi hati, cemas meliputi rasa, melihat telatah perjuangan politik di hari ini yang tipis sekali memberi harapan, apalagi bahtera (PAS) yang sama-sama kita layar buat menuju ke pulau.....hampir karam. lantaran orang yang diharap selama ini, iaitu paman melompat ke lain bahtera, bahtera belum kandas walaupun sudah tertinggal jauh dalam lautan yang dalam, ingin hati bertanya: apakah gerangan paman meninggal.....pergi....?Apakah sudah tak percaya dengan ideologi yang menjadi pengakuan setiap hari, menyebabkan dia pergi? Atau pun material yang dicari? Kalau inilah, sungguh mengecewakan hati dan sudah tiba harinya untuk kita bertakbir empat kali.

Saudaraku!

Aku pun sependapat dengan kau, bahawa Islam sudah dijadikan alat ulama sudah dijadikan umpan untuk memikathati rakyat....ini bukan sahaja di tanah air. Tetapi lihat! Nun.....di Mesir. Jamāl dengan Ikhwān al-Muslimīn dan di mana sahaja kaum al-muslimīn dijadikan alat buat mencapai idaman hati, impian jiwa. Tetapi! Bila maksud tercapai kawan dibinasakan. Oh saudara cukup sekian dahulu, kerana aku tidak dapat berbicara lebih lanjut dik. Perasaan.....hanya kepada alim ulama, za‘īm za‘imā’ sambutlah umat ini. Jangan dibiar begini selamanya kaku dan beku, bangunlah! Hampir nakanlah amanah Tuhan, pesanan Rasul, pimpinlah umat ini ke jalan Tuhan.

-Sambungan pada muka 25

yang kuat bagi menegakkan Quran dan sunnah (kerana hujah-hujah mereka selalu sahaja ditepis oleh pihak lawan yang tersebut - P).

Adapun *aṣḥāb al-ra'yu*, maka usaha mereka yang bersungguh-sungguh adalah diarahkan dalam menetapkan hukum-hukum agama yang telah mereka ciptakan dengan fikiran mereka dan dengan fikiran juga mereka telah mengaturnya. Dalam masa kedua-dua pihak berkeadaan demikian, datanglah al-Shafi'ī, yang telah sedia mengetahui dengan sedalam-dalamnya akan usul al-fikah dan syarat-syarat al-istidlal (berdalil), selain daripada kelebihanannya iaitu sangat handal berbahas; maka banyaklah penyokong-penyokong *aṣḥāb al-ra'yu* telah berpaling tadah.

Imam al-Rāzī berkata lagi:

“Bahawa nisbah Imam Shafi'ī kepada ilmu “*Uṣūl al-Fiqh*” samalah seperti nisbah Aristotle kepada ilmu mantik, dan samalah seperti nisbah al-Khalīl Ibnu Aḥmad kepada ilmu *al-'urūḍ* (sejenis ilmu syair). Yang demikian itu ialah kerana orang ramai sebelum Aristotle menggunakan dalil atau memajukan bantahan ialah semata-mata menurut tabiat mereka yang sejahtera, tetapi mereka tidak mempunyai undang-undang yang menentukan kaifiat susunan had-had sempadan sesuatu perkara dan dalil-dalilnya. Maka tidak pelik kalau kedapatan kata-kata mereka mengelirukan dan berlaga-laga; oleh kerana tabiat semata-mata apabila tidak menggunakan undang-undnag mantik, jarang yang berjaya. Apabila Aristotle melihat keadaan yang demikian itu iapun mengasingkan diri daripada orang ramai dalam suatu peringkat masa lalu dia membentuk “ilmu mantik”. Dengan ilmu ini, ia telah menyediakan kepada orang ramai suatu undang-undang am yang menjadi tempat memeriksa (*muraja'ah*) pada mengetahui tertib had-had sempadan dan dalil-dalil yang menjadi bukti. Demikianlah pula ahli-ahli syair, dengan bersandarkan semata-mata rasa dan tabiat mereka, al-Khalil pun menyusun “ilmu *al-'urūḍ*” maka menjadilah ilmu itu suatu undang-undang am, pada mengenal

syair-syair yang bermutu tinggi dan yang rendahnya. Demikianlah halnya orang ramai sebelum Imam Shafi'ī radī Allāh 'anh, adalah mereka berbincang dalam masalah-masalah *uṣūl al-Fiqh* dan menggunakan dalil serta memajukan bantahan, tetapi tidak ada bagi mereka undang-undang am yang boleh menjadi tempat memeriksa pada mengetahui dalil-dalil syarak, dan kaifiat membandingkannya dan memilih yang lebih kuatnya. Imam Shafi'ī pun mencipta ilmu *uṣūl al-Fiqh*, dan dengan itu ia telah menyediakan bagi orang ramai undang-undang am yang menjadi tempat memeriksa bagi mengetahui martabat dalil-dalil syarak. Dengan usahanya itu, telah thabitlah bahawa nisbah Imam Shafi'ī kepada ilmu syarak samalah seperti nisbah Aristotle kepada ilmu akal. Selain itu sayogia juga diingat bahawa Imam Shafi'ī telah mengarang kitab “al-Risālah” di Baghdad, dan apakala ia balik ke Mesir, iapun sekali lagi mengulangi mengarang kitab “al-Risālah” itu. Tiap-tiap naskhah kitab itu (yakni naskhah Baghdad dan naskhah Mesir) adalah mengandungi ilmu yang banyak. Meskipun kemudian daripada itu, ahli-ahli agama telah mengarang dengan banyaknya di dalam ilmu *uṣūl al-Fiqh*, maka sebenarnya mereka semuanya adalah menjadi anak-anak Imam Shafi'ī di dalam ilmu itu, kerana Imam Shafi'īlah yang telah membuka pintu itu, dan kelebihan mendahului orang lain itu adalah terpulung kepada orang yang mula-mula telah berjaya mencapainya”. Demikian pandangan al-Rāzī kepada Imam al-Shafi'ī.

-bersambung.

-sambungan dari muka 18.

Janganlah berkeluh kesah, kesempatan masih ada, hanya berkehendak

Akhirnya mari kita tanya diri sendiri!

Di manakah tempat tegakku dan apakah tujuan hidup ini.

Saya tulis rencana ini semata-mata ikhlas bukan sahaja buat saudara J. Ahmad, tetapi buat kawan-kawan terutama anak-anak yang berselerak di tanah air, moga-moga hilanglah rasa ragu-ragu dan keliru, sekian *wa billāh al-tawfiq*.

Kaki gunung – 14.4.55

Saudaramu: Putera al-Ihya'.